

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

Sime Darby Property dan SD Guthrie Bangunkan Koridor Industri Generasi Baharu

Kerjasama ini akan memacu pertumbuhan ekonomi jangka panjang melalui perancangan dan pembangunan berfasa seluas kira-kira 3,000 ekar di Selangor

Ara Damansara, 7 November 2025 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property”) dan SD Guthrie Berhad (“Guthrie”) telah bersetuju untuk membangunkan hab industri dan logistik generasi baharu dalam pelan induk pembangunan seluas 3,000 ekar di Kuala Selangor, Selangor, melalui usaha sama 50:50 (“JV”).

Pembangunan ini akan dimulakan dengan kawasan seluas 1,000 ekar di estet Guthrie yang terletak di Jalan Acob, Bukit Kerayong dan Bukit Cherakah melalui usaha sama yang akan dimeterai oleh kedua-dua pihak menerusi penubuhan sebuah kenderaan tujuan khas (“SPV”).

Pembangunan ini terletak di kawasan perindustrian utama yang strategik, hanya 40 minit dari Pelabuhan Klang dan berhampiran dengan Bandar Bukit Raja (“BBR”), sebuah perbandaran oleh Sime Darby Property, dengan akses terus ke rangkaian pengangkutan utama termasuk Lebuhraya Pesisir Barat (“WCE”) dan Laluan Rel Pantai Timur (“ECRL”) yang bakal siap tidak lama lagi.

Datuk Mohamad Helmy Othman Basha, Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie, berkata, “Usaha sama ini mengukuhkan hala tuju strategik baharu Guthrie untuk membentuk pakatan sinergi yang mampu membuka nilai dalam pegangan tanah kami, terutamanya di kawasan ini di negeri Selangor, sambil memacu perkembangan dan pembangunan lestari untuk negeri ini.”

Tambah beliau, Guthrie telah lama memainkan peranan aktif dalam pembangunan negara. “Sumbangan kami terhadap pembangunan negara termasuk aset-aset nasional penting yang terletak di atas tanah milik kami dahulu seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran negara, Putrajaya. Guthrie akan terus menyokong aspirasi nasional sambil memastikan kepentingan pemegang saham kami terpelihara. Guthrie teruja untuk menjadi sebahagian daripada koridor pembangunan darat yang menggabungkan industri, logistik dan kelestarian bagi mewujudkan ekosistem industri yang bersedia untuk masa depan.”

Dato’ Seri Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, berkata, “Peluang ini membolehkan Sime Darby Property melaksanakan perancangan induk secara holistik serta membangunkan bandar-bandar masa hadapan yang bersedia untuk menyahut gelombang baharu permintaan industri dan logistik, sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi mampan di koridor perindustrian Selangor.”

“Konektiviti strategik yang menyeluruh turut memperkukuh nilai tawaran kami dalam menyediakan penyelesaian industri bersepadu bagi menyokong rantai bekalan serantau dan industri berimpak tinggi. Usaha sama strategik ini dengan Guthrie memperteguh kedudukan kedua-dua syarikat dalam menjana nilai jangka panjang serta memperkukuh peranan Selangor sebagai pemacu utama pertumbuhan industri negara,” jelas beliau.

Kerjasama ini bertujuan untuk memanfaatkan keupayaan Sime Darby Property yang terbukti dalam membangunkan ekosistem industri lestari bernilai tinggi yang menarik rakan kongsi bertaraf dunia. Ia juga memperkukuh landskap industri dan logistik Selangor melalui

pembangunan utama seperti BBR, sebuah perbandaran bersepadu seluas 5,333 ekar yang terkenal dengan reka bentuk mampan dan ekosistem industrinya yang pesat.

Hampir 60% daripada tanah di BBR telah diperuntukkan untuk kegunaan sektor perindustrian, menjadikannya pusat perindustrian terurus pertama Malaysia yang menerima penarafan GreenRE Platinum, serta destinasi pilihan bagi syarikat multinasional yang mencari infrastruktur sedia ada, konektiviti dan pembangunan sejajar dengan prinsip ESG.

Dalam meneruskan momentum daripada usaha sama Guthrie–Sime Darby Property di Pulau Carey yang diumumkan awal tahun ini, kolaborasi terbaharu ini menyokong strategi koridor pertumbuhan serantau yang memanjang dari Klang dan Kapar ke Pulau Carey, menghubungkan aktiviti industri darat dengan aspirasi negeri untuk membangunkan bandar pelabuhan bertaraf dunia.

Dengan rancangan kerajaan untuk membina pelabuhan baharu di perairan Pulau Carey yang bersebelahan Pelabuhan Klang dan Pulau Indah, Negeri Selangor akan terus berada pada landasan untuk memperkukuhkan statusnya sebagai hab maritim dan logistik utama Malaysia.

Selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu Malaysia, pembangunan ini mencerminkan visi bersama kedua-dua syarikat untuk menggandakan nilai jangka panjang kepada semua pihak berkepentingan. Koridor pembangunan menyeluruh ini akan membolehkan pengelompokan rantai bekalan yang lebih cekap, merangsang pertumbuhan perusahaan serantau, dan menjana nilai sosioekonomi lestari untuk komuniti sekitar.

Kedua-dua syarikat akan membuat pengumuman lanjut apabila terdapat perkembangan material.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM37.0 bilion (USD8.85 bilion) setakat 6 November 2025, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Hafiz Noor, Ketua, Komunikasi Strategik**
Tel: +6019-424 8283 | E-mail: hafiznoor@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Ketua, Konten & Saluran Penyiaran**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 26 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangannya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselenggarakan oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layar www.simedarbyproperty.com.

Atau Hubungi:

- **Natalie Rose Ariffin, Komunikasi Korporat Kumpulan**
Tel: +6012-297 1820 | E-mail: natalie.ariffin@simedarbyproperty.com
- **Alia Mior Azhar, Komunikasi Korporat Kumpulan**
Tel: +6010-433 4268 | E-mail: alia.miorazhar@simedarbyproperty.com